

09 DEC 2003

Felda-Senarai

PENYENARAIAAN FELDA HOLDINGS DI BSKL MASIH DI TELITI

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Penyenaraian Felda Holdings Sdn Bhd di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih lagi dalam peringkat penelitian, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi Datuk Yidris Abdullah.

Beliau berkata ini bagi memastikan keberkesanan penyenaraian dan pada masa yang sama proses penyenaraian itu melibatkan banyak pihak termasuk Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian.

"Kita kena tengok secara lebih terperinci bagaimana hasil penyenaraian itu dapat memberi faedah kepada peneroka-peneroka," katanya kepada pemberita selepas sambutan Majlis Hari Kualiti 2003 Kementerian di sini, hari ini.

Yidris berkata antara matlamat penyenaraian itu adalah bagi membolehkan para peneroka berdikari.

Oleh itu, katanya, penglibatan Kementerian Pertanian dalam proses persediaan penyenaraian itu adalah penting bagi membantu Kementerian mengambil langkah-langkah untuk membantu mewujudkan kepelbagaian dalam aktiviti pertanian di tanah rancangan Felda.

Sementara itu Timbalan Menteri Pembangunan dan Koperasi Dr Tan Kee Kwong berkata langkah penyenaraian itu perlu dilakukan dengan teliti kerana ia melibatkan aset berbilion ringgit dan juga 104,000 keluarga peneroka.

"Adalah mustahil untuk melengkapkan proses (penyenaraian) dalam masa beberapa bulan.

"Kami mahu lakukannya dengan teliti dan tidak mahu kemudian nanti ada silap sana dan silap sini," katanya.

Ketika ditanya sama ada Kabinet menetapkan masa untuk Felda Holdings disenaraikan, Dr Tan berkata tidak ada masa spesifik yang ditetapkan.

Cadangan penyenaraian anak syarikat Felda itu diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika pembentangan Bajet 2004 pada September lalu.

Felda Holdings pada mulanya dijadual disenaraikan di BSKL pada penghujung tahun ini, namun ianya ditangguhkan bagi membolehkan Kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain membuat analisis lebih menyeluruh yang mengutamakan kepentingan peneroka.

-- BERNAMA

NN FAI JM PR